

# **TEKS UCAPAN**

**Pengiran Haji Abd Rahman bin Pengiran Seri Indera  
Pengiran Haji Ismail  
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan /  
Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran  
Selaku Pengerusi Bersama Majlis Korban Kementerian Hal  
Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan Dibawah Nya  
Bagi Tahun Mashi 1432 bersamaan 2011.**

**Pada: 9 November 2011 bersamaan 12 Zulhijjah 1432  
Jam: 2.00 Petang  
Tempat: Depot Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan  
Kampong Belimbing, Subok, Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam**

Bismillah irrahma nirrahim...

Alhamdulillah Rabbil 'alamin... Wassalatu wassalamu 'ala Sayidina  
Muhammad wa 'ala alihi wasahbihi wasallam

Yang Dimuliakan

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji  
Awang Halbi bin Haji Awang Mohd Yusof,  
Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri  
Selaku Tetamu Kehormat Majlis

Yang Berhormat, Awang Haji Gapor @ Hj.Md Daud bin Kar  
Ahli Mesyuarat Negara wakil Daerah Brunei dan Muara

Yang Mulia, Dato Paduka Haji Abdul Majid bin Mangarshah,  
Yang Mulia, Dr Awang Haji Affendi bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok  
Dato Seri Paduka Haji Abidin,  
Setiausaha Tetap - Setiausaha Tetap  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Mulia, Awang Roslan bin Tajaah  
Yang Mulia, Awang Haji Ismail bin Abd Manaf  
Timbalan Setiausaha Tetap - Timbalan Setiausaha Tetap  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Mulia, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan dibawahnya.

Hadirin / Hadirat yang dihormati.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Hari Raya  
Aidil Adha, Maaf Zahir dan Batin.

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

Alhamdulillah... Marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana diatas hidayah dan izin Nya jua kita dapat berkumpul di Majlis Korban yang penoh kebajikan ini.

Selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga, sahabat dan pengikut baginda yang setia lagi jujur hingga keakhir zaman.

Terlebih dahulu, kaola bagi diri kaola dan mewakili Pengerusi Bersama Pg Hj Mohiddin bin Pg Badaruddin dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Korban bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya ingin mengucapkan setinggi terima kasih diatas kesudian Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Awang Mohd Yusof, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meluangkan masa untuk sama-sama hadir selaku Tetamu Kehormat pada Majlis ini dan akan mengagih-agihkan daging korban.

Majlis Korban yang diadakan ini, adalah merupakan salah satu acara keugamaan tahunan yang diungkayahkan oleh Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawah nya, yang menandakan rasa syukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala diatas segala nikmat dan rezeki yang dikurniakan Nya kepada kita selari dengan Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Kautsar ayat 2 yang maksudnya: "Maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur".

Majlis Korban ini memberikan peluang kepada pegawai, kakitangan, penghulu dan ketua kampung serta keluarga masing-masing di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Jabatan dibawahnya untuk mengerjakan ibadah korban sunat yang sangat dituntut.

Pada tahun ini sebanyak 11 ekor kerbau dikorbankan oleh Pegawai, Kakitangan, Penghulu dann ketua Kampong dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan dibawahnya dimana 6 ekor adalah dikorbankan di Daerah Brunei dan Muara manakala sebanyak 5 ekor adalah dikorbankan di Daerah Belait. Daging korban bagi 3 ekor kerbau yang dikorbankan adalah diagihkan pada Majlis petang ini.

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

AllahuAkhbar

Pengagihan daging korban di Majlis ini juga menunjukkan keprihatinan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya kepada mereka-mereka yang daif dan kurang berkemampuan. Di majlis petang ini, seramai 62 orang dari kalangan asnaf yang terdiri dari

pegawai dan kakitangan Kementerian ini dan Jabatan-jabatan dibawahnya serta anak buah Kampong Belimbing akan menerima agihan daging korban.

Manakala seramai lebih kurang 400 orang dari kalangan asnaf yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Kementerian ini dan Jabatan-jabatan dibawahnya serta anak buah kampong menerima agihan daging korban di dua Majlis berasingan.

Mudah-mudahan titisan darah dari binatang korban ini akan menjadi penebus dosa-dosa yang telah lalu seperti Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam kepada Sayyidatina Fatimah riwayat al-Bazzar dan Ibnu Hibban yang maksudnya: "Hai Fatimah, berdirilah di sisi korbanmu dan saksikanlah ia, sesungguhnya titisan darahnya yang pertama itu pengampunan bagimu atas dosa-dosamu yang telah lalu".

Mudah-mudahan mereka-mereka yang berkorban akan memperolehi ganjaran pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wataala kerana pada setiap helai bulu binatang yang dijadikan Qurban akan mendapat satu kebaikan seperti mana maksud sabda Rasulullah Sallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibnu Majah "Qurban itu bagi tuannya dengan setiap bulunya adalah kebaikan".

Adalah menjadi harapan Majlis ibadah Qurban ini memberikan kesan yang mendalam kepada pegawai dan kakitangan serta Penghulu dan Ketua Kampung dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatannya untuk meningkatkan ketaqwan serta mewujudkan suasana yang harmoni, semangat perpaduan dan bekerjasama sambil

kita bersyukur dengan segala nikmat dan rezeki yang dikurniakan Allah Subhanu Wata'ala kepada kita.

Buat mengakhiri ucapan saya ini, peramba, kaola, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Awang Mohd Yusof, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana sudi hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis ini serta mengagih-agihkan daging korban.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, hadirin dan hadirat sekalian kerana menghadiri majlis ini. Setinggi terima kasih juga diucapkan kepada ahli-ahli jawatankuasa yang telah memberikan kerjasama dalam mengungkayahkan Majlis ini.

Kita juga tidak lupa mendoakan agar jemaah-jemaah haji Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan dibawahnya serta sanak saudara kita yang pada masa ini berada di tanah Saudi Arabia akan berada dalam keadaan sehat walafiat, dipermudahkan untuk mengerjakan ibadah haji, memperolehi Haji Maburr dan akan kembali ke tanah air dengan selamat. Amin, Amin, Amin Yarabbil Alamin

Sekian..... Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.